

## 36,000 layak insentif SSPN1M dalam tempoh dua minggu

**KUALA LUMPUR 21 Jan.** - Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) mendapat sambutan menggalakkan dengan sebanyak 36,000 akaun layak insentif geran sepadan percuma RM500 yang dibuka dalam tempoh dua minggu bermula 8 Januari lalu.

Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Wan Ahmad Wan Yusoff berkata, pihaknya menyasarkan 50,000 pencarum layak menerima insentif itu untuk bulan pertama tahun ini dan 100,000 lagi pencarum untuk bulan-bulan berikutnya.

Beliau berkata, sehingga 31 Disember tahun ini, ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan bersih di dalam akaun SSPN1M sebanyak RM500 untuk anak mereka layak menerima insentif khas geran sepadan iaitu deposit percuma bernilai RM500.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika pembentangan Bajet 2018 mengumumkan bahawa RM250 juta disediakan kepada 500,000 pencarum berumur 7 hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang dinamakan semula



**WAN AHMAD WAN YUSOFF** (berdiri, empat dari kanan) dan **Chew Yin Keen** (berdiri, enam dari kanan) bersama penerima sumbangan deposit SSPN1M di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

sebagai SSPN1M.

"Rakyat Malaysia seharusnya tidak melepaskan peluang yang disediakan ini kerana insentif tersebut diperuntukkan kepada 500,000 akaun terawal sahaja," katanya selepas menghadiri program penyampaian sumban-

gan deposit SSPN1M anjuran Yayasan Pendidikan Kawasan Bandar Tun Razak di sini hari ini.

Pada program itu, pengerusi yayasan berkenaan merangkap Ketua Barisan Nasional (BN) Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Chew Yin Keen mem-

berikan sumbangan berjumlah RM50,000 berbentuk deposit RM50 akaun SSPN1M kepada 1,000 pelajar berumur tujuh hingga 12 tahun yang kebanyakannya merupakan penduduk Projek Perumahan Rakyat di kawasan Parlimen itu. - BERNAMA